



**UDA HOLDINGS BERHAD**  
(347508 T)

**SIARAN MEDIA:**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**UDA HOLDINGS BERHAD SENTIASA Mencari Peluang Dalam Membantu Meningkatkan Ekonomi  
Usahawan Bumiputera Di Luar Bandar**

**KUALA LUMPUR, 17 Februari** - UDA Holdings Berhad merujuk kepada keratan akhbar Sinar Harian bertarikh 14 Februari 2014, Jumaat, muka surat 14 berhubung artikel USAHAWAN BUMIPUTERA PERLU SOKONGAN AGENSI KERAJAAN.

UDA Holdings Berhad sebagai sebuah agensi di bawah kerajaan (GLC) sentiasa membantu usahawan Bumiputera terutamanya dari segi penyediaan ruang-ruang niaga di lokasi yang mampan, teratur dan paling penting ianya mampu disewa oleh usahawan Bumiputera. Ini merujuk kepada jumlah penghunian Bumiputera di Kompleks milik UDA di seluruh Malaysia antaranya Bukit Bintang Plaza (BB Plaza), Kompleks Pertama, Cahaya Suria, Pudu Sentral atau lebih dikenali sebagai UTC, KL, Angsana Johor Bahru Mall, Angsana Ipoh Mall serta Angsana Seremban Mall. Ini membuktikan bahawa UDA masih menawarkan harga sewa yang berpatutan kepada para penyewa walaupun lokasi kompleks-kompleks berkenaan terletak di kawasan bandar dan strategik.

Salah satu kompleks UDA yang terkenal di Kuala Lumpur adalah BB Plaza. Walaupun operasi perniagaan di BB Plaza sedikit terjejas berikutan pelaksanaan kerja-kerja pembinaan MRT yang rancak dijalankan di sekitar Bukit Bintang berbanding dengan kompleks-kompleks perniagaan UDA yang lain, UDA telah mengambil inisiatif dengan memberi diskaun sebanyak 20% kepada para penyewa di BB Plaza. Ini adalah salah satu usaha UDA dalam menyokong usahawan Bumiputera untuk terus kekal berdaya saing di kawasan bandar besar.

Menyentuh kepada Kompleks Pertama, UDA tidak menguruskan secara langsung kompleks ini kerana ianya diuruskan oleh Perbadanan Pengurusan Kompleks Pertama di bawah Hak Milik Strata. UDA hanya memiliki 119 daripada 441 lot perniagaan iaitu 27% di Kompleks Pertama dan selebihnya adalah milik individu. Perkara ini sedikit sebanyak menyukarkan pihak UDA untuk menguruskan kompleks tersebut. Walaupun UDA berhadapan dengan tunggakan sewaan, UDA masih memberi peluang kepada Bumiputera untuk meneruskan perniagaan di premis Kompleks Pertama ini dengan menawarkan "Skim Ansuran Tunggakan". UDA masih mengekalkan peranannya untuk terus membantu golongan Bumiputera khususnya mereka yang sentiasa berusaha untuk memajukan perniagaan dan mampu berdaya saing bagi memacu pertumbuhan positif di kalangan peniaga-peniaga lain di Bandaraya Kuala Lumpur.

Sebagai sebuah entiti pembangunan hartanah dan pengurusan aset di Malaysia, UDA sentiasa berpaksikan kepada peranannya dalam memberi tumpuan memajukan ekonomi dan menjaga kepentingan Bumiputera terutamanya di kawasan bandar. Namun begitu, usaha UDA dalam memperkasakan ekonomi Bumiputera tidak sahaja tertumpu kepada pembangunan ekonomi dan pemilikan hartanah Bumiputera di kawasan bandar, malah ia turut meliputi kawasan luar bandar.

Perkara ini jelas dapat dilihat menerusi penglibatan UDA dalam pembangunan Kedai Desa di seluruh Malaysia dan sehingga kini UDA telah berjaya membina 112 unit Kedai Desa di antaranya adalah di Jasin, Melaka; Pekan, Pahang; Muar, Taiping, Perak; Kuala Dungun, Terengganu serta Jeli, Kelantan.

Pembinaan Kedai Desa tidak terhenti setakat ini dan akan diteruskan dengan pembangunan Kedai-kedai Desa di beberapa lokasi berpotensi yang telah dikenalpasti di mana UDA telah memperuntukkan RM30 juta untuk menyiapkan kesemua Kedai Desa tersebut. Pada masa yang sama juga, UDA turut memberi peluang kepada kontraktor Bumiputera dalam melaksanakan pembangunan Kedai-kedai Desa di seluruh Malaysia.

Menurut Pengerusi UDA Holdings Berhad, YB Datuk Johari Abd Ghani, "Pembinaan Kedai Desa ini membuktikan UDA masih relevan dan terus menggalas hasrat Kerajaan untuk memastikan rancangan murni kerajaan ini terlaksana terutamanya dalam memperjuangkan agenda Bumiputera. Beliau berharap pembangunan Kedai-kedai Desa ini dapat membantu meningkatkan jumlah usahawan desa dan membuka lebih banyak peluang perniagaan."

Usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh UDA ini menunjukkan bahawa UDA merupakan agensi di bawah Kerajaan (GLC) yang sentiasa komited dalam menyokong seterusnya memperkasakan usahawan Bumiputera.

**TAMAT**

---

**Untuk pertanyaan sila hubungi,**

Latifah Osman @ Lat  
Komunikasi Korporat  
UDA Holdings Berhad  
Lot 111, Jalan Bukit Bintang  
55100, Kuala Lumpur  
Tel : 03-27308500 samb 8469  
Fax : 03-2731 2855  
Emel : [lat@udanet.com](mailto:lat@udanet.com)  
H/P : 012-2915427

Norazuana Abdullah  
Komunikasi Korporat  
UDA Holdings Berhad  
Lot 111 Jalan Bukit Bintang  
55100 Kuala Lumpur  
Tel : 03-27308500 samb 2817  
Fax : 03-2731 2855  
Emel : [norazuana@udanet.com](mailto:norazuana@udanet.com)  
H/P : 019-2239153